

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN
BIN MOHD JARJIS [ROMPIN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS [ROMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang diambil oleh pihak Koridor Wilayah Timur (ECER) dalam menarik pelaburan luar ke kawasan Rompin dalam bidang perindustrian untuk memberi peluang pekerjaan dan menjana ekonomi setempat; dan
- (b) memaklum projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan di dalam kawasan Parlimen Rompin di bawah ECER.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha menarik pelaburan tiada kawasan atau negeri dalam ECER diabaikan. Walau bagaimanapun, biasanya para pelabur mengambilkira pelbagai faktor sebelum melabur di sesuatu tempat, misalnya kewujudan kemudahan infrastruktur, sumber-sumber yang tersedia, tenaga kerja yang diperlukan, perhubungan, insentif, dan sebagainya.

Di antara usaha-usaha yang dijalankan untuk mempromosi Kawasan Tumpuan Pembangunan (KDA), ECERDC melaksanakan misi-misi pelaburan bersama dengan MITI, MIDA dan Kerajaan Negeri. Di samping itu juga, ECER menyertai pameran dan mengadakan dialog dengan pihak-pihak pelabur di dalam dan luar negeri. Dalam usaha-usaha tersebut, Daerah Rompin-Mersing turut dipromosi sebagai suatu destinasi pelaburan sesuai dengan kelebihan-kelebihan yang ada di daerah tersebut. Aktiviti-aktiviti pelaburan yang dipromosikan di daerah ini adalah yang berdasarkan kepada pertanian, perindustrian dan pelancongan.

Dalam bidang perindustrian, ECER telah mempertingkatkan promosi kawasan Perindustrian Bandar Muadzam Shah yang terletak di Daerah Rompin sebagai sebuah destinasi pelaburan bagi sektor pembuatan. Sebuah syarikat tempatan telah menunjukkan minat untuk membuat pelaburan dalam bidang pembuatan berjumlah RM1 bilion yang dijangka akan dilaksanakan di kawasan tersebut

dianggarkan akan mewujudkan sebanyak 300 peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Perincian pelaburan tersebut akan dimuktamadkan pada akhir tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini bagi tempoh 2007 hingga Ogos 2014, pelaburan sejumlah RM257.0 juta telah dibawa masuk ke Kawasan Tumpuan Pembangunan (KDA) Mersing-Rompin di mana sebanyak 460 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan.

Berhubung pelaksanaan projek-projek oleh ECER pula, antara projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan di dalam kawasan Parlimen Rompin adalah seperti berikut:

(1) Projek Pertanian

- **Pembangunan Ladang Bersepadu Nanas Rompin (RIPP)** yang mempunyai keluasan 1,500 ekar di Kampung Tanam, Rompin. Seramai 50 Orang Asli telah diambil bekerja dengan syarikat induk, terutamanya di dalam aktiviti pembinaan, perladangan serta perkeranian.
- **Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu seluas 600 ekar di Muadzam Shah.** Adalah dianggarkan bahawa 140 peluang pekerjaan akan diwujudkan.

(2) Projek Pelancongan

- **Menaiktaraf infrastruktur asas di Pulau Tioman.**
- **Pembangunan Taman Negeri Endau Rompin.**

Projek ini dijangka akan membuka 18 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Pembangunan ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan ekonomi tempatan melalui peluang keusahawanan kepada masyarakat setempat termasuk Orang Asli melalui aktiviti berkaitan ekopelancongan.

(3) Program Pembangunan Modal Insan ECER

- **Latihan Akademik serta Latihan Kemahiran & Keusahawanan di bawah program *empower* ECER.**

Kursus Latihan Kemahiran & Keusahawanan telah bermula pada bulan Jun 2014 dan seramai 4 orang peserta telah berjaya membuka kedai dalam tempoh 3 bulan setelah mengikuti kursus.

(4) Program Pembangunan Infrastruktur

- Dari tahun 2010 sehingga 2014, **sebanyak 92 projek** dengan kos **sebanyak RM30 juta** bagi kerja-kerja penyelenggaraan, naik taraf kemudahan awam dan infrastruktur di bawah peruntukan khusus kawasan bekas Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) telah dan sedang dilaksanakan di Daerah Rompin yang memberi impak mewujudkan peluang perniagaan, peningkatan aktiviti

riadah serta aktiviti kemasyarakatan. Antara projek-projek tersebut ialah:

- (i) Menaiktaraf pasar besar di Bandar Kuala Rompin;
- (ii) Menaiktaraf bazar di Bandar Kuala Rompin;
- (iii) Menaiktaraf kemudahan awam di Leban Chondong;
- (iv) Menaiktaraf kemudahan rekreasi di sepanjang Pantai Hiburan di Kuala Rompin;
- (v) Membina semula gerai Cita Rasa Kita (CRK) di Bandar Muadzam Shah;
- (vi) Membina gerai-gerai di Tanjong Gemok;
- (vii) Menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan di 2 buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Agama Rompin dan Sekolah Menengah Agama Bukit Ibam, Rompin.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa ramaikah saintis Malaysia yang menyahut seruan Kerajaan supaya pulang berkhidmat di dalam negara ini sehingga 2013 mengikut negara-negara yang mereka berkhidmat sebelum ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memudahcara kepulangan tenaga profesional Malaysia di luar negara untuk kembali berkhidmat dalam negara, Kerajaan melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah melaksanakan Program *Returning Expert Programme (REP)*. Sejak pelaksanaannya dikendalikan oleh TalentCorp pada 2011, hampir 3,000 profesional warga Malaysia telah diluluskan di bawah program ini sehingga Ogos 2014. Daripada jumlah tersebut, seramai 45 orang saintis dan penyelidik klinikal telah kembali berkhidmat di Malaysia termasuk 17 orang dari United Kingdom, 7 orang dari Amerika Syarikat, 5 orang dari Ireland dan masing-masing 4 orang dari Australia dan Singapura.
2. Dalam konteks ini juga, TalentCorp memudahcara professional dalam sektor kesihatan yang kembali ke tanah air untuk memberi sumbangan dalam bidang penyelidikan klinikal melalui jaringan profesional dengan institusi-institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Daripada keseluruhan 232 profesional sektor kesihatan yang diluluskan REP, sebanyak 13% peratus telah memilih untuk berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.
3. Antara bakat saintis dan penyelidik yang kembali melalui REP termasuklah dari Interuniversity Microelectronics Centre (IMEC),

Belgium; dari Memorial Sloan-Kettering Cancer Center yang kini berkhidmat di Universiti Putra Malaysia; dan bakat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang kini kembali ke Intel R&D Centre Malaysia.

4. Usaha TalentCorp dalam memanfaatkan pengetahuan profesional Malaysia dari luar negara tidak hanya terhad dengan memudahcara keupulangan mereka ke tanah air. Jaringan modal insan berkemahiran tinggi iaitu *Global Malaysian Network (GMN)* juga telah diwujudkan. Jaringan ini merupakan platform yang memudahcara usaha rakyat Malaysia di luar negara untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat yang memanfaatkan golongan modal insan tempatan.
5. Sebagai contoh, beberapa siri perkongsian pengetahuan telah diadakan di antara pakar-pakar Malaysia di luar negara dengan organisasi serta syarikat di Malaysia seperti berikut:
 - i. Usaha sama pakar penyelidik di antara Universiti Cambridge dengan Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST);
 - ii. Perkongsian pengetahuan pakar solar dari Belgium dengan syarikat semikonduktor di Pulau Pinang; dan
 - iii. Usaha sama warga Malaysia yang berkhidmat di Silicon Valley dan Washington dengan agensi-agensi seperti Multimedia Development Corporation (MDeC), Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) dan Small and Medium Enterprises Corporation (SMEDCorp) untuk membantu meningkatkan daya saing dan membuka

jaringan keusahawanan yang lebih mapan kepada syarikat-syarikat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Di samping penglibatan dengan modal insan berkemahiran tinggi di luar negara, TalentCorp juga giat menggalakkan peningkatan kemahiran graduan berpotensi melalui program *Upskilling* yang turut menyumbang kepada keperluan bidang sains dan teknologi negara. Antara bidang-bidang yang diberi penekanan dalam program *Upskilling* ini ialah elektrik dan elektronik, ICT, telekomunikasi, minyak dan gas serta perakaunan.

7. Sebagai contoh, melalui program FasTrack, TalentCorp bekerjasama dengan pihak industri di dalam sektor elektrik dan elektronik untuk menaiktaraf pengetahuan dan kemahiran graduan dari jawatan jurutera pengeluaran kepada jurutera *Research & Development (R&D)*. Melalui program ini, tempoh yang diperlukan untuk membangunkan kompetensi jurutera dalam bidang R&D telah dipercepatkan dari 3 tahun kepada 1 tahun.

Sekian. Terima kasih.